

IDAMAN SILVER SULFADIAZINE CREAM 1% W/W

Silver Sulfadiazine (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Idaman *Silver Sulfadiazine Cream* 1% w/w
2. Bagaimana Idaman *Silver Sulfadiazine Cream* 1% w/w berfungsi
3. Sebelum menggunakan Idaman *Silver Sulfadiazine Cream* 1% w/w
4. Cara menggunakan Idaman *Silver Sulfadiazine Cream* 1% w/w
5. Semasa menggunakan Idaman *Silver Sulfadiazine Cream* 1% w/w
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Idaman *Silver Sulfadiazine Cream* 1% w/w
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Idaman *Silver Sulfadiazine Cream* 1% w/w

Silver Sulfadiazine digunakan:

- Untuk mencegah dan merawat jangkitan pada kulit melecur
- Sebagai bantuan untuk rawatan jangka pendek untuk keadaan kulit yang lain seperti ulser kaki
- Sebagai bantuan untuk mencegah jangkitan pada cantuman kulit (*skin grafting*)

Bagaimana Idaman *Silver Sulfadiazine Cream* 1% w/w berfungsi

Silver Sulfadiazine mempunyai aktiviti antimikrobial yang menyeluruh terhadap bakteria Gram-positif dan Gram-negatif. Ia berfungsi dengan membunuh bakteria atau menghentikan pertumbuhan mereka.

Sebelum menggunakan Idaman *Silver Sulfadiazine Cream* 1% w/w

- *Bila tidak boleh menggunakan*

- Hipersensitif terhadap *silver sulfadiazine*, *sulfonamide* atau mana-mana bahan lain dalam penyediaan seperti *cetyl alcohol* dan *propylene glycol*
- Wanita hamil atau menghampiri waktu kelahiran
- Bayi pramatang

- Bayi yang baru lahir dalam tempoh 2 bulan pertama.

- *Sebelum mula menggunakannya*

Beritahu doktor anda:

- Jika anda mengalami masalah buah pinggang atau hati
- Jika anda mengalami luka lecur yang teruk
- Jika anda mengalami kekurangan *glucose-6-phosphate dehydrogenase* (G6PD)

Penyerapan oleh *propylene glycol* yang terdapat dalam *Silver Sulfadiazine* boleh mengganggu beberapa keputusan ujian makmal.

Jika anda tidak pasti sama ada anda boleh menggunakan ubat ini, sila rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda terlebih dahulu.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Oleh kerana kandungan *silver sulfadiazine* boleh menyahaktifkan enzim proteolitik topical dan agen *debriding* (sejenis ubat yang digunakan secara luaran untuk membersihkan dan merawat luka), penggunaan serentak mereka mungkin tidak sesuai.

Kesan agen hipoglikemik oral (ubat anti-diabetes) dan *phenytoin* (ubat antikonvulsan) mungkin diperkuatkan apabila kawasan luka lecur yang besar dirawat. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.

Kehamilan dan Laktasi

Kehamilan dan laktasi

Tiada kajian yang mencukupi dan terkawal yang dilakukan terhadap wanita hamil, oleh itu krim ini harus digunakan semasa kehamilan hanya jika keperluannya dapat dijelaskan. *Silver sulfadiazine* juga harus digunakan dengan berhati-hati terhadap wanita yang menyusukan. Tanya doktor atau ahli

farmasi anda sebelum mengambil atau menggunakan sebarang ubat.

Cara Penggunaan Idaman *Silver Sulfadiazine Cream* 1% w/w

- *Berapa banyak harus digunakan*

Silver Sulfadiazine digunakan secara topikal untuk membersihkan kawasan melecur/terjejas sekali atau dua kali sehari dengan ketebalan kira-kira 1.5mm, menggunakan sarung tangan yang di steril atau spatula. Pembalut biasanya tidak diperlukan tetapi ia boleh digunakan.

- *Bila ianya perlu digunakan*

Ia perlu disapu pada luka lecur/kawasan yang terjejas selagi ada kemungkinan jangkitan atau ditetapkan oleh doktor. Apabila perlu, krim hendaklah disapu semula ke kawasan-kawasan yang mana ianya telah dialihkan.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Rawatan perlu diteruskan sehingga penyembuhan yang memuaskan berlaku, atau sehingga kawasan melecur sedia untuk cantuman.

- *Jika terlupa menggunakannya*

Jika anda terlepas aplikasi, sapu sebaik sahaja anda ingat. Jangan gunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- *Jika terlebih dos*

Terdapat sedikit pengalaman dos berlebihan dengan penggunaan *Silver Sulfadiazine* tetapi jika pengumpulan *sulphadiazine* berlaku, pemberhentian krim ini harus dipertimbangkan.

Bagi pesakit yang menjalani terapi jangka panjang/dos tinggi atau pesakit yang mempunyai fungsi buah pinggang terjejas, kemungkinan kristal terdapat dalam air kencing perlu dipantau secara berterusan.

Semasa Penggunaan Idaman *Silver Sulfadiazine Cream* 1% w/w

- *Perkara yang perlu dilakukan*

- Gunakan *Silver Sulfadiazine* mengikut

IDAMAN SILVER SULFADIAZINE CREAM 1% W/W

Silver Sulfadiazine (1% w/w)

arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika terdapat sebarang kesan sampingan, atau kesan sampingan tersebut menjadi teruk atau apa-apa yang menyebabkan anda tidak sihat.
- Jika anda hamil, atau merancang untuk hamil semasa menggunakan *Silver Sulfadiazine*, beritahu doktor anda secepat mungkin.
- Jika anda baru mula menggunakan ubat baharu, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan *Silver Sulfadiazine*.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan *Silver Sulfadiazine* selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada kotak dan tiub.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Hati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana *Silver Sulfadiazine* memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, *Silver Sulfadiazine* biasanya boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami mana-mana simptom berikut:

- Biasa: *leukopenia* (kekurangan sel darah putih), lecur di kawasan ubat disapu, gatal-gatal, ruam di kawasan ubat disapu (termasuk ekzema dan *contact dermatitis*)
- Jarang: *argyria* (pendedahan kepada atau pengambilan perak (*silver*))
- Sangat jarang: kegagalan buah pinggang

Jika anda perasan sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Idaman Silver Sulfadiazine Cream 1% w/w

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

Setelah dibuka, produk perlu digunakan dalam tempoh 6 bulan.

Untuk kegunaan luaran sahaja.

Jauhi dari jangkauan kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor anda memberitahu anda untuk berhenti mengambil *Silver Sulfadiazine* atau telah melepasi tarikh tamat tempoh, tanya ahli farmasi anda cara yang betul untuk melupuskan lebihan produk.

Perihal Produk

- Rupa produk

Krim berwarna putih, bersifat licin dan 'homogenous'.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Silver Sulfadiazine

Bahan tidak aktif:

- *White Soft Paraffin*
- *Light Liquid Paraffin*
- *Cetostearyl Alcohol*
- *Cetomacrogol 1000*
- *Chlorocresol*
- *Disodium Edetate*
- *Butylated Hydroxytoluene*
- *Povidone (Plasdone K30)*
- *Purified Water*
- *Phosphoric Acid*
- *Disodium Hydrogen Phosphate (Anhydrous)*

Nombor MAL

MAL25036010AZ

Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang

INSPIRAPHARMA SDN BHD
(200401023395)
Lot 24 & 25, Jalan 8, Kawasan
Perusahaan Bakar Arang,
08000 Sungai Petani
Kedah Darul Aman, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

25 Jun 2026

Nombor Siri

NPRA(R2)23/133